



Pada 9 Julai 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Inisiatif 3.2.6 NACP Bil.1 Tahun 2020 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama BPMP Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi membincangkan aspek mekanisme semak dan imbang di dalam urusan perolehan kerajaan. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Institut Integriti Malaysia, Bahagian Pengurusan Integriti dan Agensi serta pegawai BPMP. Mesyuarat kali kedua juga telah diadakan pada 23 Julai 2020 bertempat di lokasi yang sama.



Bulan Julai 2020 menyaksikan dua buah bengkel OACP telah diadakan di Indah Water Konsortium pada 6-8 Julai 2020 dan Perbadanan Stadium Malaysia pada 21-23 Julai 2020. Selain itu dua buah bengkel CRM juga telah diadakan pada 27-29 Julai 2020 oleh Kumpulan Felda Investment Corporation Sdn Bhd dan Pengurusan Aset Air Berhad. Bengkel dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah dan fasilitator daripada BPMP yang mana telah menghasilkan draf Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi agensi masing-masing.

Pada 15 Julai 2020, telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Inisiatif 3.1.3 NACP Bil. 1 Tahun 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama BPMP, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. Mesyuarat ini bertujuan untuk membuat semakan ke atas Integrity Pact sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa serta sistem dan prosedur yang berkuatkuasa bagi menangani isu-isu konflik kepentingan. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan Malaysia, Transparency International Malaysia, Timbalan Pendakwaraya SPRM, dan pegawai kanan BPMP.



Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah: Pelan Antirasuah Organisasi dan Pengurusan Risiko Rasuah telah disampaikan oleh KPKPj Salwa Muharam pada 14 Julai 2020 kepada 48 orang peserta daripada sektor awam dan swasta bertempat di Auditorium, Aras 3, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.



Pada 29 Julai 2020, satu Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah: Seksyen 17A ASPRM 2009 telah berlangsung bertempat di Bilik Gerakan SPRM, Aras 14, Blok A, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, disampaikan oleh PPJ Mohd Hasraff bin Hashim. Taklimat ini disampaikan kepada pegawai-pegawai sektor awam dan swasta.

